

0554

R 8226 BAH
MUHAMMAD - KEYAKINAN

SEKINCHAN, 9 OKT (BERNAMA) -- PENINGKATAN KEYAKINAN DI KALANGAN PELABUR DAN PENINPIN EROPAH DAN AMERIKA TERHADAP EKONOMI DAN POLITIK MALAYSIA HASIL LANATAN DATUK SERI DR MAHATHIR MUHAMAD KE SANA MENUNJUKKAN DUNIA SEMAKIN YAKIN DENGAN KEPIMPINAN BELIAU.

MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HAJI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB HARI INI BERKATA, TIDAK ADA PELABUR ASING YANG AKAN MENAMBAH PELABURAN DENGAN SEMENANG-SEMANGNYA DI SESEBUAH NEGARA JIKA MEREKA TIDAK BENAR-BENAR YAKIN DENGAN KEPIMPINAN DAN EKONOMI NEGARA BERKENAAN.

KETIKA BERUCAP MELANCARKAN SAMBUTAN MINI-SEMARAK KAWASAN PARLIMEN TANJUNG KARANG DI SINI, BELIAU HAIRAM KERANA MASIH ADA KUMPULAN TERTENTU DI NEGARA INI YANG TIDAK YAKIN DAN KURANG SEMANG DENGAN KEPIMPINAN PERDANA MENTERI SEDANGKAN KEPIMPINAN BELIAU TELAH MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DI KALANGAN PENINPIN DUNIA.

SEMENARA PENINPIN DUNIA MENYANJUNG TINGGI DAN MENKASUHI USAHA PERDANA MENTERI MEMULIHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, KUMPULAN BERKENAAN PULA MENSANGSAP KEPIMPINAN PERDANA MENTERI +TELAH MELETAKKAN NEGARA BERHADAPAN DENGAN PELBAGAI MASALAH+.

MALAH MEREKA MENYEBARKAN PELBAGAI CERITA MENGENAI KEBURUKAN PERDANA MENTERI BAGI MENIMBULKAN PERASAAN BENCI DI KALANGAN RAKYAT, KATANYA. -- LAGI
1617HST 09 10 88

R 8227 BAH
MUHAMMAD - KEYAKINAN 2 SEKINCHAN

KATANYA, DI BAWAH KEPIMPINAN PERDANA MENTERI, PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA DALAM TEMPON ENAM BULAN PERTAMA TAHUN INI TELAH BERKEMBANG SEBANYAK SEMBILAN PERATUS DAN INI MERUPAKAN PENCAPAIAN MENGGALAKKAN.

+JIKA SEMUA RAKYAT TIDAK SUKA DENGAN KEPIMPINANNYA, SUDAH TENTU BERLAKU BUSUHAN MENENTANG PUCUK PIMPINAN SEBAGAIMANA YANG BERLAKU DI BURMA DAN NEGARA-NEGARA LAIN+, KATANYA.

MENTERI BESAR MEMINTA SUPAYA DIHENTIKAN CERITA-CERITA MENGENAI KEBURUKAN KERAJAAN YANG AKAN BERCAKUP DENGAN JAMINAN-JAMINAN YANG TELAH DIBERI OLEH ROMBONGAN-ROMBONGAN NEGARA INI UNTUK MENARIK PELABURAN SEMASA MEREKA BERADA DI LUAR NEGARI.

+NEGARA-NEGARA LAIN SEMAKIN MAJU, MALAH ADA YANG TELAH BOLEH MENGHANTAR RAKYATNYA KE BULAN TETAPI KITA MASIH DI TAKUK LAMA DENGAN CERITA-CERITA MEMBURUKKAN ORANG, FITNAH-MENFITNAH DAN BERGADUH SESAMA SENDIRI DI ATAS PERKARA YANG REHEH-TEHEH,+ KATANYA.

KATANYA, +SEMUA ORANG MEMPUNYAI KEBURUKAN DAN KELEMAHAN, TETAPI ADAKAH KEBURUKAN DAN KELEMAHAN ITU AKAN DIHEBOH-HEBOHKAN SEHINGGA MENAKUTKAN PELABUR ASING MENSAKIBATKAN MEREKA LARI DARI NEGARA INI DAN AKHIRNYA TIDAK SEDRANSPUN DARIPADA KITA YANG MENDAPAT FAEDAH HASIL TINDAKAN ITU+. -- LAGI

1617HST 09 10 88

R 8229 BAH
MUHAMMAD - KEYAKINAN 3 SEKINCHAN

BELIAU BERKATA, KERAJAAN NEGARI AKAN MEMESATKAN USAHA MEMBANA PELABURAN ASING KE KAWASAN LUAR BANDAR SEPERTI SABAK BERNAM DAN KUALA SELANGOR BIASA MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN KEPADA MASYARAKAT.

KATANYA, BEBERAPA KAWASAN DI SABAK BERNAM TELAH DIKENALPASTI BERPOTENSI UNTUK DIMAJUKAN SEBAGAI TAPAK PERINDUSTRIAN DAN PERBINCANGAN SEDANG DIADAKAN MENGENAI CARA-CARA UNTUK MEMAJUKAN KAWASAN ITU.

SEMPENA SAMBUTAN ITU, DATUK HAJI MUHAMMAD KEMUDIAN BERSAMA-SAMA PENDUDUK KAMPUNG BERGOTONG-ROYONG MEMBINA SEBUAH KANTIN UNTUK SEKOLAH RENDAH ASAMA, SEKINCHAN.

BELIAU JUSA MENYAMPAIKAN BANTUAN \$36,000 KEPADA 36 KELUARGA DARI RANCANGAN TANAH BELIA KAMPUNG MERBAU BERDARAH YANG TERJEJAS PENDAPATAN KERANA TANAMAN MEREKA DILANDA BANJIR.

BELIAU JUSA MENYAMPAIKAN BASIKAL-BASIKAL BERTARIFA \$5,000 KEPADA 24 MURID MISKIN DAN ANAK-ANAK YATIM DARI SEKITAR SEKINCHAN. --
BERNAMA

1623HST 09 10 88